

PENGLIBATAN CAWANGAN KHAS DALAM MEMBANTERAS GERAKAN KOMUNIS DI NEGERI PERAK, 1948-1960

Cheang Fook Hong*

Ho Hui Ling

Abstrak

Cawangan Khas (*Special Branch*) berperanan penting dalam perisikan maklumat berhubung kegiatan komunis di Tanah Melayu. Perak merupakan negeri Melayu yang mencatatkan jumlah kekerapan tertinggi berlakunya kejadian komunis sejak Undang-undang Darurat dikuatkuasakan pada Jun 1948. Keadaan ini menyebabkan banyak tugas risikan maklumat dan operasi membanteras gerakan komunis berlaku di Perak. Artikel ini meneliti sejauh mana penglibatan Cawangan Khas dalam usaha membanteras ancaman komunis di Perak pada zaman darurat (1948-1960). Artikel ini akan mengupas kaedah perisikan maklumat yang digunakan oleh Cawangan Khas di Perak pada zaman darurat bagi mendedahkan kerahsiaan maklumat pihak komunis. Maklumat yang diperoleh ini seterusnya disalurkan bagi mengatur operasi membanteras komunis. Dengan itu, operasi yang dilancarkan oleh Cawangan Khas bagi menumpaskan pihak komunis di kawasan Perak turut dibincangkan dalam artikel ini. Artikel ini dihasilkan dengan menggunakan sumber primer dan sekunder yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia. Kaedah temubual turut digunakan dalam memperoleh maklumat tambahan bagi melengkapkan penulisan ini. Daripada kajian, keterlibatan Cawangan Khas dalam perisikan maklumat komunis dan operasi ketenteraan yang dilancarkan dapat melemahkan semangat juang dan kekuatan komunis yang bergerak di Perak khususnya dan di Tanah Melayu umumnya.

Kata Kunci: Cawangan Khas, komunis, Perak, darurat, perisikan maklumat

Pengenalan

Insiden keganasan komunis dan gerakan Parti Komunis Malaya (PKM) telah mengancam keamanan di seluruh Tanah Melayu termasuk di negeri Perak selepas zaman pendudukan Jepun. Suasana semakin gawat dan tegang sehingga mencapai kemuncak dengan berlakunya

* Cheang Fook Hong merupakan lulusan Ijazah Sarjana dari Jabatan Sejarah, Universiti Malaya dan kini berkhidmat sebagai Pegawai Polis di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia. Dr. Ho Hui Ling adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

insiden pembunuhan di Sungai Siput, Perak yang meragut nyawa tiga orang peladang Eropah pada 16 Jun 1948. Ekoran daripada kejadian pembunuhan itu, Undang-undang Darurat diisytiharkan oleh kerajaan British di Perak dan seluruh Tanah Melayu pada 18 Jun 1948. Dalam tempoh awal zaman darurat, segala aspek perisikan di Tanah Melayu termasuk dalam mengesan kegiatan komunis dijalankan oleh *Malayan Security Service (MSS)*. Kemudiannya, MSS dibubarkan pada hujung tahun 1948 dan digantikan dengan penubuhan Cawangan Khas. Cawangan Khas merupakan pasukan perisikan polis yang memainkan peranan penting dalam membongkar maklumat pihak komunis dan seterusnya mentafsirkan maklumat perisikan yang diperoleh untuk membuat perancangan serta serbuan ke atas komunis. Antara strategi yang dilaksanakan oleh Cawangan Khas di seluruh Tanah Melayu termasuk di Perak untuk mengenal pasti gerak kerja komunis adalah melalui pintasan ke atas sistem perhubungan komunis seperti *Dead Letter Box (DLB)*. Selain itu, maklumat juga boleh dieksploitasi daripada anggota komunis yang ditahan atau yang menyerah diri kepada pasukan keselamatan melalui kaedah soal siasat. Pegawai dan anggota Cawangan Khas turut terlibat dengan operasi bersama pasukan keselamatan lain dalam menumpaskan gerakan bersenjata komunis di Perak. Justeru, tanggungjawab dan peranan Cawangan Khas adalah lebih berat jika dibandingkan dengan cawangan dan unit lain dalam pasukan polis pada zaman darurat.

Setakat ini, terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan mengenai Cawangan Khas pada zaman darurat. Namun begitu, ianya tidak spesifik memberi penekanan kepada penglibatan Cawangan Khas dalam menangani ancaman komunis di Perak. Tugas utama Cawangan Khas pada ketika itu ialah melakukan perisikan ke atas maklumat komunis yang diperoleh. Dalam hasil penulisan Yuen Yuet Leng¹ cuma menfokuskan operasi yang dilancarkan di Perak dan tidak menyentuh kaedah risikan maklumat oleh Cawangan Khas. Sebaliknya, penulisan Leon Comber² merangkumkan mengenai Cawangan Khas di Tanah Melayu secara amnya pada zaman darurat. Selain itu, artikel oleh Amer Fawwaz Mohamad Yasid dan Noor Hishmuddian Rahim³ serta sebuah lagi artikel yang ditulis oleh Amer Fawwaz Mohamad Yasid dan Azrul Azlan Abdul Rahman⁴ turut mengupas mengenai Cawangan Khas pada zaman darurat di Tanah Melayu secara amnya tanpa memberi penekanan berhubung Cawangan Khas di negeri Perak. Justeru itu, artikel ini akan memberi tumpuan perbincangan kepada kaedah perisikan maklumat dan operasi yang dilancarkan oleh Cawangan Khas untuk menumpaskan kumpulan komunis di Perak pada zaman darurat.

Sejarah Penubuhan Cawangan Khas

Sebelum tertubuhnya Cawangan Khas pada tahun 1948, tugas perisikan dijalankan oleh *Malayan Security Service (MSS)* atau *Malayan Secret Service (MSS)* iaitu sebuah organisasi

-
1. Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, Kuala Lumpur: Vinpress Sdn. Bhd., 1998.
 2. Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960: The Role Of The Special Branch In The Malayan Emergency*, Singapura: Institute of South Asian Studies, 2008.
 3. Amer Fawwaz Mohamad Yasid, Noor Hishmuddian Rahim, "Analysis Of The Police Special Branch Strength And Weakness During The Malayan Emergency 1948-1960", *Sejarah: Journal Of History Department*, No. 29 (1), 2020.
 4. Amer Fawwaz Mohamad Yasid, Azrul Azlan Abdul Rahman, "The Role Of Police Special Branch In Eliminating The Communist Insurgency 1948-1960: An Analysis", *Sejarah: Journal of History Department*, No. 27 (2), 2018.

perisikan yang ditubuhkan sejak tahun 1946 dan dipertanggungjawabkan terhadap segala aspek perisikan di Tanah Melayu dan Singapura. MSS yang beribu pejabat di Singapura dianggotai oleh beberapa orang pegawai polis yang cekap tetapi tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang meluas dalam bidang perisikan. Pada November 1948, Cawangan Khas ditubuhkan bagi menggantikan MSS kerana organisasi itu tidak mampu bertindak dan memainkan peranan secara berkesan sebagai sebuah badan perisikan terutamanya dalam keadaan ancaman komunis yang semakin kritikal. MSS juga berhadapan dengan masalah kekurangan pegawai dan kemudahan yang diperlukan dalam tugas perisikan. Cawangan Khas diletakkan di bawah kawalan dan pentadbiran *Criminal Investigation Department* (CID) atau Jabatan Siasatan Jenayah.⁵

Bagaimanapun, Cawangan Khas pada ketika itu masih terdapat banyak kekurangan yang perlu diperbaiki supaya dapat berfungsi dengan cekapnya. Justeru, Jack B. Morton (Timbalan Pengarah MI5, iaitu pasukan perisik British) dibawa dari London atas permintaan Sir Gerald Walter Robert Templer (Pesuruhjaya Tinggi British Persekutuan Tanah Melayu) untuk memperkemaskan Cawangan Khas. Beliau mencadangkan agar Cawangan Khas diasingkan daripada CID. Sir Gerald Walter Robert Templer menerima baik cadangan itu dan Cawangan Khas akhirnya diasingkan daripada CID pada Mac 1952. Guy C. Murdoch dilantik sebagai ketua Cawangan Khas yang pertama.⁶ Di bawah pentadbiran Guy C. Murdoch dalam tempoh tahun 1952 hingga 1954, Cawangan Khas mempunyai kekuatan seramai 93 orang pegawai yang diwartakan (berpangkat Penolong Penguasa Polis dan ke atas) dan 195 orang pegawai yang merangkumi Inspektor serta Polis Leftenan. Walau bagaimanapun, bilangan keanggotaan detektif Cawangan Khas pada ketika itu adalah tidak diketahui.⁷ Namun begitu, kekuatan Cawangan Khas di peringkat daerah iaitu Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh pada tahun 1955 adalah seramai 18 orang anggota yang merangkumi lapan orang pegawai kanan dan 10 anggota detektif Cina.⁸ Mereka memainkan peranan penting dalam perisikan maklumat komunis dan turut serta dalam operasi membanteas komunis bersama-sama dengan unit pasukan keselamatan yang lain di Perak pada zaman darurat.

Perisikan Maklumat Melalui Ejen dan Pemberi Maklumat

Tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Cawangan Khas untuk menumpaskan komunis pada zaman darurat bukanlah kerja yang mudah kerana cawangan ini bukan semata-mata mengangkat senjata dan bertempur dengan komunis. Namun, tugas utama Cawangan Khas pada ketika itu adalah untuk mendapatkan maklumat risikan berkenaan organisasi dan gerakan komunis yang mengancam keselamatan negara. Semasa zaman darurat, Cawangan Khas

5 Mohd Reduan bin Aslie dan Mohd Radzuan bin Ibrahim, *Polis Diraja Malaysia: Sejarah, Peranan Dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Kumpulan Karangkraf Sdn Bhd, 1984, hlm. 311-312.

6 Muzium Polis Diraja Malaysia, *Sejarah Bergambar Institusi Polis Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Muzium Polis Diraja Malaysia, 2004.

7 Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960*, hlm. 184.

8 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Woh, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya di Seri Kembangan, Selangor pada 4 April 2019.

lebih bergantung kepada risikan maklumat daripada ejen berbanding cara teknikal.⁹ Hal ini kerana cara memperoleh maklumat dengan menggunakan ejen adalah lebih berkesan untuk menumpaskan komunis berbanding cara teknikal. Sumber maklumat boleh diperoleh daripada ejen, pemberi maklumat, laporan daripada pasukan peronda, peninjauan daripada udara, dokumen yang dirampas, mayat anggota komunis, komunis yang ditangkap (*Captured Enemy Personnel/ CEP*) dan komunis yang menyerah diri (*Surrendered Enemy Personnel/ SEP*).

Pihak komunis mendapat sokongan daripada penduduk melalui organisasi komunis yang dikenali sebagai *People's Movement* atau *Min Yuen*.¹⁰ Dilaporkan penyokong komunis di seluruh Tanah Melayu mempunyai seramai lebih kurang 100,000 orang pada tahun 1956.¹¹ Secara teorinya, ianya merupakan organisasi terbuka yang diwujudkan untuk menggantikan kawalan komunis ke atas kesatuan sekerja yang diharamkan selepas pengisytiharan darurat. Pada amnya, *Min Yuen* berperanan mengumpul dan menyalurkan dana, bekalan keperluan, maklumat kepada komunis serta menyebarkan propaganda komunis untuk merekrut penyokong baharu. Justeru, Cawangan Khas mempertingkatkan operasi untuk mengurangkan sokongan penduduk kepada komunis. Hasilnya, ahli *Min Yuen* berjaya dikenal pasti dan ditahan.¹²

Penduduk kampung yang terlibat dengan aktiviti *Min Yuen* boleh dikenal pasti oleh pemberi maklumat.¹³ Pemberi maklumat terdiri daripada kalangan penduduk kampung kerana mengenali penduduk tempatan dan mengetahui pergerakan penduduk di sekelilingnya. Berbanding pemberi maklumat, ejen mendapatkan maklumat risikan atas arahan dan dikawal sepenuhnya oleh Cawangan Khas.¹⁴ Ejen terdiri daripada penyokong komunis yang berhubung dengan komunis dan pada masa yang sama penyokong komunis sudi menyalurkan maklumat pergerakan komunis kepada pasukan polis untuk membolehkan perancangan operasi memerangi komunis dilakukan. Ianya boleh dilaksanakan sekiranya komunis berhubung dengan penyokong mereka berdekatan dengan kawasan estet dan lombong mahupun di kawasan penempatan untuk mendapatkan makanan dan bekalan lain. Pemberi maklumat merupakan orang awam yang memaklumkan maklumat berkaitan pergerakan komunis sekiranya dikesan oleh mereka.¹⁵ Sebagai contoh, pendedahan oleh pemberi maklumat berjaya mengesan penuluran pengaruh komunis di sekolah Cina. Hal ini menyebabkan pihak sekolah juga tidak terlepas dari pengawasan oleh Cawangan Khas. Pada 5 Mac 1952, Cheah Ket Foo yang merupakan Guru Besar di Sekolah Siew Chai dan Sekolah Kampung Baru Bali, Tronoh

-
- 9 Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960*, hlm. 79; Datuk Dr. Leong Chee Woh menerangkan bahawa 'cara teknikal' adalah risikan maklumat oleh Cawangan Khas yang menggunakan peralatan dan bantuan unit Cawangan Khas yang mempunyai kemahiran spesifik dalam sesuatu tugas. Antaranya adalah seperti kemahiran memintas sistem komunikasi komunis, memasang alat pengesan isyarat pada radio, mengikuti dan memerhati pergerakan individu tanpa dikesan.
 - 10 Robert Jackson, *The Malayan Emergency: The Commonwealth's Wars 1948-1966*, London: Routledge, 1991, hlm. 14.
 - 11 A816/14/301/729, Employment Of Commonwealth Forces On Emergency Operations In Malaya After The Grant Of Independence, 1955-1957, hlm. 231.
 - 12 CO 825/82/3/55404/5, Federation Of Malaya Political Intelligence Report No.7, For July 1950, hlm. 58.
 - 13 Richard Clutterbuck, *Riot And Revolution In Singapore And Malaya, 1945-1963*, London: Faber And Faber Limited, 1973, hlm. 179.
 - 14 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Woh, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya Seri Kembangan, Selangor pada 4 April 2019.
 - 15 A452/1968/4248, Review Of The Emergency In Malaya From June 1948 To August 1957 By The Director Of Operations Malaya, 1957-1967, hlm. 20.

berjaya ditangkap kerana menyebarkan fahaman komunis. Pergerakan Cheah diperhatikan selama beberapa bulan sebelum membawa kepada penahanannya oleh pihak Cawangan Khas.¹⁶

Selain melakukan penahanan ke atas individu yang menjalankan kegiatan *Min Yuen*, Cawangan Khas juga berjaya mengalihkan sokongan ahli *Min Yuen* kepada membantu kerajaan dalam penyaluran maklumat mengenai aktiviti komunis. Dalam keadaan tertentu, terdapat ahli *Min Yuen* yang berjaya dijadikan ejen oleh Cawangan Khas. Pada peringkat awal, rutin dan pergerakan seharian individu yang disyaki terlibat dengan kegiatan *Min Yuen* dipantau oleh Cawangan Khas berdasarkan maklumat yang diterima. Seterusnya, Cawangan Khas bertindak menculik (*secret pick-up*) dan membawa individu itu ke bangunan tertutup untuk disoal siasat. Individu itu diberitahu sebab penangkapan ke atas dirinya¹⁷ dan diugut akan ditahan di bawah Undang-undang Darurat sekiranya individu itu tidak memberikan kerjasama.¹⁸ Namun, dia dilepaskan dan diberi ganjaran wang sekiranya bekerjasama dengan Cawangan Khas dan bersetuju menyalurkan sebarang maklumat mengenai gerakan *Min Yuen* dan komunis di kampungnya dari masa ke masa tanpa disedari oleh orang lain. Pemberian ganjaran wang itu merupakan sebahagian daripada strategi kerajaan untuk ‘membeli’ sokongan dan maklumat mengenai kegiatan komunis daripada ejen, pemberi maklumat dan penduduk kampung. Dalam tempoh 1955 hingga 1960 misalnya, seorang pegawai Cina Cawangan Khas di Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh berjaya merekrut lebih kurang 30 orang ejen daripada beberapa buah kampung berasingan di kawasan Ipoh. Pegawai Cawangan Khas tersebut memberi ganjaran kepada ejennya mengikut kadar antara \$50 hingga \$1,000 berdasarkan nilai maklumat yang disalurkan itu. Ganjaran berbentuk wang diberikan kepada ejen dan pemberi maklumat atas maklumat yang disalurkan oleh mereka, tetapi tiada ketetapan jumlah wang yang perlu diberikan kepada mereka. Hal ini kerana jumlah ganjaran kepada ejen dan pemberi maklumat adalah berdasarkan nilai maklumat yang disalurkan oleh mereka. Maklumat yang tepat dan membawa kepada penahanan komunis sahaja yang diberi ganjaran.¹⁹

Pada tahun 1952, kedudukan *Min Yuen* menjadi tergugat apabila pasukan keselamatan mula mengambil tindakan ke atas gerakan itu. Ekoran tindakan tegas pasukan keselamatan, kebanyakan ahli *Min Yuen* melarikan diri ke kawasan pedalaman dan hutan untuk melibatkan diri secara aktif dalam operasi komunis pada pertengahan 1950-an.²⁰ Walaupun Cawangan Khas berjaya merekrut ejen daripada kalangan *Min Yuen* di kem tahanan dan kampung baru serta berjaya menembusi sistem kurier komunis, namun adalah sukar untuk merekrut ejen daripada pemimpin dan juga tentera tempur PKM yang berjuang di dalam hutan. Ini kerana komunis sangat curiga dengan orang luar. Namun begitu, Cawangan Khas berjaya menggambarkan secara menyeluruh struktur dan organisasi PKM hasil daripada sesi soal siasat ke atas SEP ataupun CEP. Ini kerana maklumat dalaman berhubung gerak kerja komunis tidak dapat diperolehi daripada sumber maklumat lain melainkan daripada anggota komunis itu

16 CO 1022/151/75/395/01, Communism: Malaya Rehabilitation Of Detainees, hlm. 17.

17 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Who, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya di Seri Kembangan, Selangor pada 4 April 2019.

18 Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960*, hlm. 81-82.

19 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Woh, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya di Seri Kembangan, Selangor pada 4 April 2019.

20 Robert Jackson, *The Malayan Emergency*, hlm. 15.

sendiri. Selain itu, dokumen yang diperoleh daripada komunis turut diperiksa dan dianalisis dengan teliti²¹ oleh Cawangan Khas untuk membolehkan perancangan seterusnya dilakukan.

Maklumat yang diperoleh daripada ejen dan pemberi maklumat itu digred untuk menentukan sama ada maklumat itu boleh diyakini atau tidak melalui *Admiralty System* seperti dalam Jadual 1.²² Berpandukan sistem ini, tahap kebolehppercayaan sumber maklumat boleh diklasifikasikan menggunakan abjad bermula dari 'A' hingga 'F' di mana maklumat gred 'A' merupakan kategori maklumat yang boleh dipercayai sepenuhnya berbanding maklumat gred 'B', 'C', 'D', 'E' dan gred 'F' dikategorikan sebagai kepercayaan yang tidak dapat dinilai. Ianya boleh digredkan dengan merujuk kepada penilaian maklumat lepas yang disalurkan oleh ejen atau pemberi maklumat. Selain itu, ketepatan maklumat juga diambil kira dan digred bermula angka '1' hingga '6'. Maklumat yang mempunyai ketepatan tinggi digredkan sebagai '1' dan kebenaran maklumat yang tidak dapat dinilai digred sebagai '6'. Ianya boleh dirujuk dengan bukti yang sedia ada pada Cawangan Khas berkaitan maklumat yang disalurkan itu. Sebagai contoh, maklumat gred A-2 adalah bermaksud sumber dipercayai sepenuhnya (merujuk kepada penilaian lepas), tetapi maklumat yang diterima berkemungkinan besar adalah benar (merujuk kepada bukti yang ada). Hal ini juga boleh dilihat pada maklumat yang diterima oleh Cawangan Khas daripada ejen mereka di Telok Anson. Maklumat yang digredkan B-2 mendedahkan Kheng Khew Meow, iaitu seorang petani dan penghuni di Kampung Chui Chak memberi sokongan kepada komunis. Kheng Khew Meow dikatakan mengumpul bekalan makanan dan dana untuk diberikan kepada kumpulan komunis bersenjata di kawasan Chui Chak, Telok Anson. Akhirnya, maklumat berkenaan membawa kepada penahanan Kheng Khew Meow di Chui Chak pada 27 Ogos 1951 di bawah *Emergency Regulation 24(1)*.²³ Kheng Khew Meow ditempatkan di Pusat Tahanan Ipoh dan dibebaskan pada 30 Jun 1954.²⁴ Justeru itu, maklumat yang disalurkan oleh ejen mahupun pemberi maklumat adalah penting untuk diteliti dan digredkan oleh Cawangan Khas sebelum tindakan susulan diambil berdasarkan maklumat yang diperoleh.

Jadual 1: Penggredan Maklumat oleh Cawangan Khas

Kebilehppercayaan Sumber	Ketepatan Maklumat
A- Dipercayai sepenuhnya	1- Disahkan
B- Kebiasaannya boleh dipercayai	2- Kemungkinan besar benar
C- Agak boleh dipercayai	3- Mungkin benar
D- Kebiasaannya tidak boleh dipercayai	4- Kebenaran diragui
E- Tidak boleh dipercayai	5- Tidak mungkin benar
F- Kepercayaan tidak dapat dinilai	6- Kebenaran tidak dapat dinilai

Sumber: Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960: The Role Of The Special Branch In The Malayan Emergency*, Singapura: Institute of South Asian Studies, 2008, hlm. 79.

21 Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960*, hlm. 79.

22 Ibid., hlm. 84.

23 File Special Branch Perak Police Contingent Headquarters, Federation Of Malaya Police Force, 1951.

24 File Special Branch Perak Police Contingent Headquarters, Federation Of Malaya Police Force, 1954.

PENGLIBATAN CAWANGAN KHAS DALAM MEMBANTERAS
GERAKAN KOMUNIS DI NEGERI PERAK, 1948-1960

Kerajaan mula memperkenalkan langkah memberi ganjaran kepada orang awam pada Disember 1950. Ini adalah susulan daripada *Directive No. 2* bertarikh 12 Mei 1950, Pengarah Cawangan Khas mengarahkan pemberian ganjaran daripada dana *Secret Service* kepada individu yang berurusan dengan Cawangan Khas dan ganjaran diberikan atas dasar risiko yang ditanggung oleh individu itu. Dalam tempoh enam bulan bermula penghujung tahun 1950 hingga Jun 1951, sebanyak \$500,000 dibelanjakan untuk tujuan itu.²⁵ Namun, terdapat kekurangan dalam polisi tersebut kerana tiada skala tetap dalam pemberian ganjaran. Selain itu, jumlah dan butiran pemberian ganjaran tidak direkodkan sehingga Februari 1952. Dianggarkan kerajaan memberikan ganjaran sebanyak \$2 juta untuk tujuan itu sehingga tahun 1952. Pada tahun yang sama, kerajaan mengambil langkah menaikkan nilai ganjaran berhubung penyaluran maklumat sehingga membawa kepada tangkapan atau pembunuhan komunis mengikut pangkat PKM seperti skala dalam Jadual 2. Kerajaan memperbaiki polisi sistem ganjaran sedia ada dan nilai ganjaran dibayar adalah mengikut penilaian oleh kerajaan.²⁶

Jadual 2: Skala Pemberian Ganjaran kepada Individu yang Menyalurkan Maklumat Sehingga Membawa kepada Penangkapan atau Pembunuhan Komunis Mengikut Pangkat

Gred	Maklumat yang membawa kepada tangkapan komunis	Maklumat yang membawa kepada komunis yang telah dibunuh	Pangkat PKM
1A	\$250,000	\$125,000	Setiausaha Jawatankuasa Eksekutif Pusat
1B	\$200,000	\$100,000	Ahli Politbiro Pusat
1C	\$150,000	\$75,000	Ahli Jawatankuasa Pusat, Ahli Biro Utara, Pusat & Selatan
1D	\$120,000	\$60,000	Setiausaha Jawatankuasa Negeri dan Serantau
1E	\$75,000	\$35,000	State & Regional Committee Members, Regimental Political Commissars, Regimental Commanders & Vice, Regimental Political Affairs Officers
2A	\$18,000	\$14,000	Setiausaha Jawatankuasa atau Ketua Jawatankuasa Daerah
2B	\$13,000	\$10,000	Ahli Jawatankuasa Daerah, Company Political Commissars, Company Commanders & Vice Commanders, Independence Platoon Political Commissars
2C	\$8,000	\$6,000	Directing Committee Secretaries, Directing Committee Members, Commanders & Vice Commanders of Independent Platoons

25 Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960*, hlm. 154.

26 CO 1022/152/75/447/01, Rewards For Death Or Capture Of Communist Terrorists In Malaya, hlm. 15.

Gred	Maklumat yang membawa kepada tangkapan komunis	Maklumat yang membawa kepada komunis yang telah dibunuh	Pangkat PKM
3A	\$6,500	\$5,000	Branch Committee Secretaries, Branch Committee Members, Commanders & Vice Commanders of Platoons, Leaders of Protection Corps, Leaders of Armed Work Forces
3B	\$4,000	\$3,000	Ketua Seksyen, Ketua Mobile Squad
3C	\$2,500	\$2,000	Ahli PKM, Ahli dalam mana-mana organisasi bersenjata PKM

Sumber: CO 1022/152/75/447/01, Rewards For Death Or Capture Of Communist Terrorists In Malaya, hlm. 27.

Jumlah ganjaran yang dibayar oleh kerajaan diterbitkan dalam akhbar tanpa mendedahkan nama penerima ganjaran. Penyelarasan ini bertujuan untuk membolehkan setiap orang awam menjalankan tanggungjawab tanpa perasaan takut terhadap komunis dan menghargai individu yang menyalurkan maklumat.²⁷ Pada 25 Julai 1952, pasukan polis berjaya menahan tiga orang wanita di Ipoh. Salah seorang wanita itu dipercayai merupakan Ahli Jawatankuasa PKM Negeri Perak yang dikenali sebagai Lee Meng. Ganjaran sebanyak \$120,000 ditawarkan kepada individu yang berjaya menyalurkan maklumat sehingga membawa kepada penangkapan Lee Meng.²⁸ Pada tahun 1954 dan 1955, masing-masing diperuntukkan sebanyak \$918,455 dan \$822,062 untuk tujuan pemberian ganjaran di seluruh Tanah Melayu termasuk Perak.²⁹ Pemberian ganjaran tersebut tidak terhad kepada maklumat yang disalurkan oleh ejen dan pemberi maklumat kepada Cawangan Khas sahaja. Ianya merupakan peruntukkan daripada kerajaan kepada masyarakat umum yang mampu menyalurkan sebarang maklumat sehingga berjaya membawa kepada penangkapan atau pembunuhan anasir komunis. Selain itu, Cawangan Khas turut memberi ganjaran berbentuk wang melalui dana *Secret Service* kepada individu yang dapat mendedahkan maklumat berhubung gerakan komunis di Perak. Langkah pemberian ganjaran wang berjaya menarik minat orang awam untuk menyalurkan maklumat berkaitan gerakan komunis secara sukarela kepada Cawangan Khas.

Perisikan Maklumat Secara Teknikal

Kaedah teknikal juga digunakan oleh Cawangan Khas bagi membongkar rahsia perbincangan antara pihak komunis yang berhubung dengan menggunakan surat, telegraf, telefon dan isyarat radio. Cawangan Khas berjaya menembusi sistem kurier dan membuat penahanan terhadap

²⁷ Ibid.

²⁸ *The Straits Times*, 26 Julai 1952, hlm. 1.

²⁹ Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960*, hlm. 154.

³⁰ Ibid., hlm. 100.

pembawa kurier serta berjaya mempengaruhi sesetengah pembawa kurier. Individu itu dipujuk untuk menyerahkan dokumen yang dibawa mereka untuk dibaca dan disalin sebelum dibenarkan menyerahkannya kepada peringkat seterusnya dalam sistem komunikasi komunis.³⁰ Selain itu, Cawangan Khas berjaya mengenal pasti kedudukan *Dead Letter Box* (DLB) yang digunakan oleh pihak komunis untuk berhubung secara rahsia dengan kumpulan komunis lain di dalam kawasan hutan. Komunis menulis pesanan pada *rice paper roll* dalam tulisan Cina dan dihantar oleh pembawa kurier komunis sebelum ditempatkan di DLB di dalam hutan.³¹

Antaranya, pendedahan maklumat daripada ejen di Kampung Baru Gunung Rapat membawa kepada penangkapan pembawa kurier komunis oleh Cawangan Khas di Tanah Hitam, Chemor pada tahun 1956. Pembawa kurier itu diyakinkan tidak akan dikenakan tindakan undang-undang malahan diberi ganjaran wang sekiranya menunjukkan kepada Cawangan Khas kedudukan DLB yang menjadi perantaraan komunikasi di dalam hutan. Pembawa kurier diarahkan untuk menunjukkan setiap lokasi DLB yang diketahuinya. Antara tempat yang selalu menjadi pilihan pembawa kurier untuk meninggalkan surat di kawasan Ipoh adalah seperti pada pokok, kerusi pada pondok bas, pondok telefon dan balang colok dalam tokong. Cawangan Khas mentaksirkan isi kandungan surat komunis yang diperoleh daripada ejen pembawa kurier.³² Sebilangan kecil bekas pemimpin tertinggi komunis yang telah beralih sokongan kepada kerajaan telah ditugaskan untuk membantu Cawangan Khas di pusat tahanan. Kepakaran mereka menyebabkan mereka diperlukan untuk membantu Cawangan Khas dalam tugas penterjemahan terminologi yang digunakan dalam dokumen komunis.³³

Walaupun pengumpulan perisikan maklumat secara teknikal tidak begitu canggih, tetapi Cawangan Khas mampu mengaturkan pasukannya dan menempatkan mereka di Jabatan Pos dan Telegraf untuk memintas talian telefon individu yang tersenarai dalam senarai diperhati (*Watch List*) Cawangan Khas. Ianya menggunakan peralatan telefon terpakai dan pertukaran nombor telefon. Cawangan Khas juga menggunakan aturan yang sama dengan Jabatan Pos dan Telegraf untuk memintas serta membaca surat yang dikirimkan dari atau kepada alamat yang menjadi sasaran mereka. Peralatan mudah seperti meja stim dan pisau plastik digunakan untuk tujuan ini. Salah satu peranti teknikal yang paling berkesan untuk mengesan kedudukan komunis di dalam hutan adalah peranti yang dipasang pada komponen penerima isyarat radio yang menggunakan bateri. Cawangan Khas akan memastikan radio yang dipasang dengan peranti dijual dengan harga yang murah di kedai runcit yang dipercayai membekalkan radio kepada pihak komunis. Apabila radio dihidupkan, ianya menghantar 'isyarat senyap' yang boleh dikesan oleh pengesan pesawat yang terbang di atasnya dan membolehkan kedudukan kem komunis dikenal pasti.³⁴ Seterusnya, bom dilepaskan ke atas kedudukan sasaran yang telah dikenal pasti. Sebagai contoh, teknik ini digunakan oleh Cawangan Khas dalam *Operation Bintang* bersama-sama dengan pasukan tentera di kawasan pedalaman di selatan Perak pada tahun 1958 yang menyasarkan untuk menghapuskan tempat persembunyian komunis dan

31 Ibid., hlm. 87.

32 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Woh, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya di Seri Kembangan, Selangor pada 4 April 2019.

33 Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960*, hlm. 87.

34 Ibid., hlm. 85-86.

memaksa mereka untuk menyerah diri kepada pasukan keselamatan.³⁵ Teknik ini berjaya mengenal pasti kedudukan pihak komunis walaupun mereka bersembunyi jauh di kawasan pedalaman Perak.

Selain itu, Cawangan Khas juga melakukan risikan maklumat dengan memerhatikan pergerakan individu atau kumpulan yang dipercayai menyokong gerakan komunis. Pada 15 Ogos 1958, jam 11 pagi, Cawangan Khas mula menunggu ketibaan sasaran mereka, iaitu sebuah kereta bernombor pendaftaran BD758 di hadapan *Majestic Theatre*, Jalan Chamberlain, Ipoh. Kereta tersebut tiba di *Lido Studio* iaitu bertentangan *Majestic Theatre* dengan dua orang lelaki Cina di dalam kereta itu. Pergerakan kedua-dua lelaki Cina itu diperhatikan sehingga jam 3.30 petang dan laporan pemerhatian dimajukan kepada pihak atasan Cawangan Khas untuk tindakan seterusnya.³⁶ Hal ini menunjukkan setiap pergerakan dan aktiviti pihak komunis yang telah dikesan pasti tidak terlepas daripada pemantauan Cawangan Khas.

Teknik perisikan maklumat secara teknikal melibatkan DLB dan pembawa kurier adalah berkesan di seluruh Perak dan seluruh Tanah Melayu. Sebaliknya, teknik perisikan yang melibatkan pintasan surat dan telegraf serta penggunaan radio pengesan tidak digunapakai oleh Cawangan Khas di peringkat daerah kerana tiada kepakaran dan kelengkapan teknikal. Namun begitu, Cawangan Khas di peringkat daerah merujuk kepada peringkat kontinjen untuk mendapatkan bantuan perisikan secara teknikal.³⁷ Hal ini dapat dirujuk kepada laporan Cawangan Khas Kontinjen Perak bertarikh 19 Mac 1958 menunjukkan surat kiriman daripada Lo Kin Keung, bertarikh 2 Mac 1958, beralamat di Changkat Tin, Tanjong Tualang, Perak menyatakan perancangan pengirim untuk menyertai *Independent League*, iaitu sebuah gerakan komunis yang dianjurkan di Pulau Pinang. Surat tersebut dikirimkan kepada Mo Kwok Ping di alamat Shuk Pai Canton, Kwantung Province, China.³⁸ Selain kepakaran teknikal, surat sebegini juga memerlukan kepakaran bahasa untuk diterjemahkan daripada Bahasa Mandarin kepada Bahasa Inggeris. Oleh itu, perisikan maklumat secara teknikal oleh Cawangan Khas di Perak adalah penting untuk mendedahkan rahsia perbincangan pihak komunis tanpa diketahui oleh mereka.

Perisikan Maklumat Melalui Soal Siasat

Cawangan Khas memberi keutamaan kepada penugasan operasi untuk menjalankan soal siasat dengan kadar secepat mungkin terhadap SEP dan CEP. Di Perak, SEP dan CEP yang ditahan ditempatkan di Pusat Tahanan Ipoh dan Pusat Pemulihan Taiping untuk proses soal siasat, perbicaraan mahkamah atau dibebaskan jika bekerjasama dengan Cawangan Khas.³⁹ Namun begitu, terdapat perbezaan layanan kepada SEP dan CEP sebagaimana yang termaktub

35 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Woh, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya di Seri Kembangan, Selangor pada 23 Jun 2019.

36 File Special Branch Headquarters, Federation Of Malaya Police Force, 1958.

37 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Woh, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya di Seri Kembangan, Selangor pada 4 April 2019.

38 File Special Branch Headquarters, Federation Of Malaya Police Force, 1958.

39 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Woh, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya di Seri Kembangan, Selangor pada 4 April 2019.

dalam arahan Pesuruhjaya No.3. SEP menjadi tanggungjawab Cawangan Khas dan tidak akan didakwa kecuali dalam keadaan yang luar biasa iaitu seseorang tahanan itu pernah melakukan jenayah serius seperti melakukan pembunuhan.⁴⁰ Walau bagaimanapun, Cawangan Khas mempunyai kuasa untuk mengemukakan rayuan kepada Peguam Negara selepas membuat penilaian ke atas orang tahanan.⁴¹

Tahanan SEP ditempatkan di Pusat Tahanan Ipoh.⁴² Pusat Tahanan ini dibuka pada 1 Jun 1949 dan boleh memuatkan kapasiti seramai 3,500 orang tahanan.⁴³ Tahanan yang dikategorikan sebagai kurang bersimpati dengan komunis akan ditempatkan di Pusat Tahanan Ipoh.⁴⁴ Pada Mac dan April 1952, *Police Interrogation Unit* ditubuhkan masing-masing di Pusat Tahanan Majeedi, Johor dan Pusat Tahanan Ipoh untuk membuat penilaian ke atas orang dalam tahanan dan menentukan sama ada tempoh bagi seseorang tahanan itu perlu dilanjutkan atau tidak.⁴⁵ SEP boleh dijadikan ejen sehingga maksimum tiga bulan selepas menyerah diri. SEP dibuktikan sudi membawa pasukan keselamatan untuk kembali ke kem komunis dan memberitahu maklumat berkaitan bekas kumpulannya.⁴⁶ Dalam tempoh tahanan, SEP disoal siasat dan dibayar oleh Cawangan Khas dengan menggunakan dana *Secret Service* tetapi bayaran bulanan adalah tidak lebih daripada kadar gaji Konstabel Khas. Selain itu, SEP layak menerima ganjaran jika maklumat yang disalurkan dapat menangkap atau membunuh komunis.⁴⁷ Sebelum tamatnya tiga bulan, laporan ke atas SEP akan dikaji semula sama ada ditahan di bawah *Emergency Regulation 17(1)*, dibebaskan dengan mengehendkan pergerakan, dihantar kembali ke negara asal atau dalam kes luar biasa sahaja pendakwa diambailah oleh Peguam Negara atas cadangan Cawangan Khas. Arahan boleh dikeluarkan untuk mengarahkan SEP terus membantu pasukan keselamatan, Kompeni Hutan atau Konstabel Khas selepas tamatnya tempoh tiga bulan dan mereka diberi bayaran yang sama kadar dengan gaji Konstabel Khas melalui dana *Secret Service*.⁴⁸

Sebaliknya, CEP adalah menjadi tanggungjawab CID dan kebiasaannya didakwa berdasarkan bukti yang sedia ada. CEP digunakan dalam operasi terhad dalam masa 48 jam selepas ditangkap. Tahanan CEP ditempatkan di Pusat Pemulihan Taiping.⁴⁹ Pusat Pemulihan ini dibina pada 15 November 1949 di Taiping untuk menempatkan tahanan kaum Cina. Pusat ini boleh memuatkan sehingga maksimum 600 orang tahanan pada satu-satu masa.⁵⁰ Merujuk kepada Jadual 3, pada Mei 1952, terdapat seramai 389 orang masih dalam tahanan, 821 orang

40 CO 1022/49/10/172/02, *Surrendered Communist Terrorists*, hlm. 32.

41 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Woh, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya di Seri Kembangan, Selangor pada 23 Jun 2019.

42 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Woh, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya di Seri Kembangan, Selangor pada 4 April 2019.

43 CO 1022/132/66/1/01, *Detention Orders Made In The Federation Of Malaya*, hlm. 56.

44 Ibid., hlm. 59.

45 Ibid., hlm. 49.

46 A452/1968/4248, *Review Of The Emergency In Malaya From June 1948 To August 1957 By The Director Of Operations Malaya, 1957-1967*, hlm. 21.

47 CO 1022/49/10/172/02, *Surrendered Communist Terrorists*, hlm. 32.

48 Ibid., hlm. 33-34.

49 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Woh, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya di Seri Kembangan, Selangor pada 4 April 2019.

50 CO 1022/132/66/1/01, *Detention Orders Made In The Federation Of Malaya*, hlm. 53.

telah dibebaskan, 85 orang telah dipindahkan ke pusat tahanan lain dan dua orang telah tamat tempoh penahanan daripada Pusat Tahanan Taiping.⁵¹

Jadual 3: Statistik Tahanan di Pusat Tahanan Taiping pada Mei 1952

Status tahanan	Tahanan (orang)
Tahanan semasa	389
Tahanan yang telah dibebaskan	821
Tahanan yang telah dipindahkan	85
Tahanan tamat tempoh penahanan (bebas)	2
Jumlah	1,297

Sumber: CO 1022/151/75/395/01, Communism: Malaya Rehabilitation Of Detainees, Extract From Review Of Chinese Affairs For May 1952, hlm. 5.

Sementara itu, sehingga 1 Mac 1953, seramai 1,280 orang tahanan telah dibebaskan daripada Pusat Tahanan Taiping. Laporan juga menunjukkan cuma lapan orang daripada 1,280 orang tahanan yang dibebaskan daripada Pusat Pemulihan Taiping sejak 1 Mac 1953 kembali menjadi penyokong komunis.⁵² Langkah kerajaan untuk mewujudkan pusat pemulihan dilihat berkesan mengubah sokongan tahanan agar tidak terpengaruh dengan gerakan komunis. Pada Mac 1956, Pusat Tahanan Ipoh dan Pusat Pemulihan Taiping mencatatkan seramai 493 orang tahanan.⁵³ Angka ini menunjukkan penurunan orang tahanan di pusat tahanan dan pemulihan di Perak disebabkan sokongan penduduk Perak terhadap kegiatan komunis semakin merosot. Hal ini kerana semakin ramai penduduk Perak sedar bahawa sokongan mereka terhadap langkah kerajaan untuk menghapuskan komunis adalah penting untuk mengembalikan keamanan di Perak.

Disebabkan kekurangan pegawai Cawangan Khas berbangsa British yang fasih berbahasa Cina, soal siasat dijalankan oleh pegawai Cina Cawangan Khas atau diadakan secara bersama dengan pegawai British Cawangan Khas. Pegawai Cina Cawangan Khas memainkan peranan penting dalam melakukan soal siasat disebabkan kemahiran bertutur dalam bahasa Cina dan memahami adat serta budaya tempatan. Sebelum soal siasat dilakukan, soal selidik awal ke atas SEP dan CEP disediakan untuk membimbing pegawai penyiasat bagi memastikan SEP dan CEP menyalurkan maklumat operasi yang berguna dalam sesi soal siasat. Antara maklumat yang cuba diperoleh dalam soal selidik awal ke atas SEP dan CEP adalah berkaitan dengan:

- a) Nama, bangsa dan dialek bahasa
- b) Tempoh masa SEP/CEP berada dalam hutan
- c) Jawatan dan unit
- d) Adakah SEP/CEP mengetahui anggota komunis lain yang berhasrat untuk menyerah diri? Sekiranya 'Ya', adakah SEP/CEP sanggup untuk kembali ke dalam hutan untuk memujuk anggota komunis itu untuk menyerah diri?

51 CO 1022/151/75/395/01, Communism: Malaya Rehabilitation Of Detainees, Extract From Review Of Chinese Affairs For May 1952, hlm. 5.

52 CO 1022/132/66/1/01, Detention Orders Made In The Federation Of Malaya, hlm. 55.

53 CO 1030/37/17/112/01, Administrative Reports, hlm. 206.

- e) Adakah SEP/CEP bersedia untuk kembali ke unitnya di dalam hutan (sekiranya pembelotannya tidak dikesan) dan berkhidmat sebagai ejen Cawangan Khas?
- f) Bolehkah SEP/CEP membimbing pasukan keselamatan ke kem komunis? Adakah kem itu diduduki oleh komunis dan siapakah mereka? Berapa tempoh masa yang diperlukan untuk sampai di sana dengan berjalan kaki?
- g) Tempoh berapa lama ketiadaan SEP/CEP akan diperasan oleh unitnya?
- h) Adakah SEP/CEP mengetahui pendekatan yang digunakan oleh komunis untuk tinggal atau meninggalkan kem mereka?
- i) Adakah SEP/ CEP mengetahui sebarang tempat penyembunyian senjata api?⁵⁴

Pada tahun 1957, Cawangan Khas di Perak dan Johor berjaya melaksanakan penahanan besar-besaran dan menjalankan soal siasat ke atas penyokong komunis.⁵⁵ Soal siasat ke atas SEP/CEP dapat mendedahkan maklumat berkaitan unit yang disertainya sebelum ini. Sebagai contoh, penyerahan diri Chow Fong di Trolak pada 15 Oktober 1957 dalam *Operation Chieftain*. Penyerahan dirinya memberi kelebihan kepada kerajaan kerana SEP itu merupakan Pesuruhjaya Politik PKM. Dengan itu, Chow Fong mengenali identiti setiap ketua dan ahli di setiap daerah dan cawangan PKM. Cawangan Khas menasihati Chow Fong untuk memujuk rakan seperjuangannya yang lain untuk menyerah diri.⁵⁶ Dilaporkan terdapat seramai lebih kurang 300 orang komunis yang mempunyai pangkat sebagai pegawai atasan di dalam hutan di seluruh Tanah Melayu pada tahun 1956.⁵⁷ Dalam insiden lain pada awal tahun 1958, Cawangan Khas di Sungai Siput pernah melakukan percubaan untuk memujuk Hui Chuen yang merupakan ketua komunis bagi Seksyen 27 Platun 21 untuk menyerah diri melalui saudara maranya. Walaupun Cawangan Khas berjaya mengukuhkan perhubungan dengan Hui Chuen di kawasan Lasah, tetapi Hui Chuen ragu-ragu untuk membuat keputusan dan mengambil keputusan untuk menunggu. Namun, Hui Chuen bersama seorang komunis India dibunuh pada 20 April 1958 apabila *3rd Royal Australian Regiment* (RAR) berjaya menjejaki komunis dalam operasi di kawasan ladang getah antara Lintang dan Jalong.⁵⁸

SEP juga mendedahkan maklumat pergerakan kumpulan komunis dalam sesi soal siasat oleh Cawangan Khas selepas menyerah diri kepada pasukan polis. Fong Loy merupakan SEP yang pertama dalam *Operation Ginger*. Selepas menyerah diri kepada pasukan polis di Kampung Baru Salak Bahru, Sungai Siput pada 26 Februari 1958, Fong Loy mendedahkan maklumat berkaitan PKM Daerah ke-9 termasuk pemberi maklumat, saudara mara komunis dan Min Yuen di kawasan Chemor dan Salak.⁵⁹ Dalam tempoh *Operation Ginger* pada 27 Mac 1958, Lin Yau yang merupakan ketua seksyen yang dipindah ke *Armed Work Cell* (AWC) Sungai Buloh, Sungai Siput untuk memberi perlindungan kepada *Min Yuen* telah

54 Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960*, hlm. 137-138.

55 A452/1968/4248, Review Of The Emergency In Malaya From June 1948 To August 1957 By The Director Of Operations Malaya, 1957-1967, hlm. 27.

56 Mohd Azzam Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, Kuala Lumpur: AMR Holding Sdn Bhd, 2007, hlm. 173.

57 A816/14/301/729, Employment Of Commonwealth Forces On Emergency Operations In Malaya After The Grant Of Independence, 1955-1957, hlm. 231.

58 Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 132.

59 Mohd Azzam Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 182.

menyerah diri kepada pasukan polis. Lin Yau kecewa dengan layanan dan kebajikan yang diberikan oleh komunis pangkat tinggi ketika dirinya tercedera dalam pertempuran dengan pasukan keselamatan. Lin Yau menyatakan cuma dadah sahaja digunakan untuk merawatnya pada ketika itu. Lin Yau juga mendedahkan komunis bernama Yui Mui telah melahirkan bayi perempuan dan diserahkan kepada saudaranya di Sungai Siput sebelum kembali bertugas dengan AWC Klabang. Selain itu, Lin Yau memberitahu AWC Sungai Buloh menerima seguni beras daripada AWC Chemor beberapa hari sebelum dia menyerah diri.⁶⁰ Pendedahan sebegini membolehkan Cawangan Khas mengetahui kekuatan dan keadaan semasa pihak komunis sebelum membuat perancangan susulan.

Hasil soal siasat dengan SEP juga mendapati bahawa komunis mendapat bekalan makanan daripada perimeter di beberapa buah kampung baru dalam kawasan *Operation Ginger*. SEP Lin Yau mendedahkan pihak komunis masih mendapat bekalan beras dalam kuantiti yang banyak kerana peniaga mengagihkan beras dari pasaran gelap di luar kawasan catuan beras. Beras pasaran gelap tidak dapat dikesan kerana diagih dalam kawasan kampung dan lebihan beras disalurkan kepada komunis. Justeru, tindakan susulan yang diambil oleh kerajaan adalah memperkenalkan Dapur Pusat di Sungai Siput pada 10 Ogos 1958.⁶¹ Rancangan Dapur Pusat diperkenalkan oleh Pertubuhan Penyekat Makanan Darurat (*Emergency Food Denial Organization*) di kampung baru, estet dan lombong yang merupakan sebahagian daripada program Gerakan Kelaparan yang mula dilancarkan pada Mei 1954. Kerajaan memberikan nasi kawah yang dimasak di satu tempat khas dan diagihkan kepada penduduk sebagai gantian untuk beras. Rancangan ini terpaksa dilancarkan oleh kerajaan kerana masih wujud lagi pembekalan bahan makanan kepada komunis terutama di kampung baru yang dikawal ketat oleh kerajaan.⁶² Hasil soal siasat oleh Cawangan Khas di Perak membolehkan tindakan susulan yang bersesuaian dapat diambil segera bagi memutuskan bekalan makanan penduduk tempatan daripada jatuh ke tangan pihak komunis.

Selain soal siasat, Cawangan Khas juga menjalankan soal selidik dengan penduduk kampung untuk mendapatkan maklumat risikan berkaitan komunis dan menasihati mereka untuk memujuk ahli keluarga yang terlibat dengan gerakan komunis agar menyerah diri. Namun, tidak semua penduduk yang sudi memberi kerjasama kepada pasukan polis. Hal ini dapat dilihat pada insiden yang berlaku pada 22 April 1957 apabila Lin Yuk Choy dan seorang lagi komunis dibunuh dalam serangan hendap oleh pasukan polis di kawasan *Fuk Heng Mine*, Kantan. Lin Yuk Choy dibunuh ketika dalam perjalanan untuk berjumpa dengan keluarganya di Kampung Baru Jelapang, Ipoh untuk membincangkan berkenaan isterinya yang bakal melahirkan anak tidak lama lagi. Cawangan Khas berusaha menasihati ahli keluarga Lin Yuk Choy untuk memujuknya agar menyerah diri, tetapi keluarganya tidak memberikan kerjasama. Ayah kepada Lin Yuk Choy menyesal selepas kematian anaknya kerana menyembunyikan maklumat daripada pihak polis berhubung pertemuan dirinya dengan anaknya.⁶³

Cawangan Khas mengambil masa sehingga beberapa tahun untuk mengumpulkan carta dan butiran peribadi pihak komunis daripada tahanan-tahanan komunis dalam sesi soal

60 Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 129.

61 Ibid., hlm. 134-136.

62 Jayakumary Marimuthu, "Zaman Darurat, 1948-1960: Kajian Keadaan Sosioekonomi Di Sungai Siput (U)", *Malaysia dari segi Malaysia*, Bil. 40, 2012, hlm. 128.

63 Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960*, hlm. 143-144.

siasat. Setiap identiti komunis yang dikenal pasti dicatatkan dan diberikan nombor *Wanted List* (WL) dan *Personal File* (PF). Fail individu yang dibuka oleh pendaftaran rahsia Cawangan Khas mengandungi maklumat peribadi dan keluarga, nama individu dalam tulisan Cina, nama samaran, gambar sekiranya ada, pangkat dalam organisasi komunis, maklumat operasi yang diketahui dan maklumat lain yang berkaitan. Wylie dan Fenner (1948-1950) yang bertugas di ibu pejabat *Federal Special Branch*, mengarahkan Cawangan Khas memberi keutamaan untuk mendapatkan maklumat berkaitan struktur dan organisasi serta gerakan komunis. Pada masa yang sama, ibu pejabat juga mengumpulkan maklumat risikan organisasi yang dipengaruhi komunis seperti kesatuan sekerja, sekolah Cina, parti politik dan kelab.⁶⁴ Maklumat risikan yang diperolehi membolehkan kerajaan mengenal pasti dan membuat pemantauan ke atas individu dan organisasi yang pro komunis. Seterusnya, pihak polis melakukan serbuan dan penangkapan sekiranya kegiatan individu atau organisasi didapati menjurus kepada gerakan komunis.⁶⁵ Secara kesimpulannya, soal siasat oleh Cawangan Khas dilihat berkesan mencungkil maklumat dan mengenal pasti rangkaian komunis sehingga membawa kepada tangkapan lain di dalam hutan mahupun penyokong komunis di kampung baru. Hal ini kerana SEP mahupun CEP yang disoal siasat dikehendaki mendedahkan identiti setiap ahli kumpulan komunis yang diketahuinya secara terperinci serta ahli *Min Yuen* di kampung baru. Pengumpulan maklumat yang mencukupi membolehkan Cawangan Khas mengatur strategi untuk melancarkan operasi demi operasi untuk menghapuskan komunis dengan berkesan. Sebagai contohnya, Cawangan Khas mengarahkan SEP ataupun CEP supaya menghantar pesanan kepada ahli komunis yang masih bersembunyi di dalam hutan melalui DLB untuk mengadakan perjumpaan sulit. Ahli komunis tidak menyedari SEP ataupun CEP tersebut menyerah diri kepada pasukan polis. Akhirnya, ahli komunis yang masih bersembunyi di dalam hutan ditangkap oleh Cawangan Khas ketika menghadiri perjumpaan sulit tersebut kerana diperdaya oleh SEP ataupun CEP.

Penglibatan Cawangan Khas dalam Operasi Membanteras Komunis dan Pencapaiannya

Selain tugas perisikan, kepakaran dan kemahiran gerak kerja Cawangan Khas dalam operasi membanteras kegiatan komunis juga adalah sangat mengagumkan. Segala maklumat yang diperoleh oleh Cawangan Khas dikaji dan diperhalusi dalam pelbagai aspek sebelum dibentang untuk tindakan selanjutnya. Cawangan Khas melancarkan operasi melalui tiga peringkat dalam tempoh lebih kurang tiga bulan. Pada peringkat pertama, maklumat mengenai komunis yang diperoleh daripada ejen akan dikaji. Peringkat kedua, *District War Executive Committee* merancang operasi secara bersama. Pada peringkat ketiga ialah langkah menangkap atau menerima penyerahan diri komunis.⁶⁶ Selain itu, kerajaan mengambil langkah mengenakan perintah berkurung, menjalankan operasi pemeriksaan dan kawalan makanan dalam usaha menentang komunis. Langkah ini bertujuan untuk mengasingkan penduduk daripada

64 Ibid., hlm. 80.

65 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Woh, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya di Seri Kembangan, Selangor pada 4 April 2019.

66 Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Nawang, 'Pemberontakan PKM: Mengapa Gagal?', *Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera, 1984, hlm. 84-85.

komunis, mengesan pergerakan komunis dan menangkap mereka yang disyaki terlibat dalam kegiatan komunis. Kesannya, langkah ini menyukarkan komunis untuk berhubung dengan penyokongnya dan seterusnya berjaya melemahkan semangat perjuangan serta mengganggu pergerakan komunis.⁶⁷ Justeru, operasi kawalan makanan dirancang dan dilancarkan oleh pasukan keselamatan selepas mengkaji maklumat risikan yang diperoleh oleh Cawangan Khas.⁶⁸

Setiap perancangan sesuatu operasi adalah diatitkan oleh Cawangan Khas. Namun, ianya dilaksanakan oleh pasukan keselamatan lain seperti Pasukan Polis Hutan, *Senoi Praaq* dan pasukan askar atau secara bersama dengan Cawangan Khas. Dalam operasi tertentu, ianya diatitkan dan dilaksanakan oleh Cawangan Khas bersama bekas tahanan komunis. Operasi sebegini dikenali sebagai '*Q*' Operation dan merupakan operasi rahsia Cawangan Khas. Ianya disertai oleh *Special Operation Volunteer Force* (SOVF) yang terdiri daripada SEP dan CEP bagi memastikan kelancaran operasi tanpa menimbulkan perasaan curiga daripada komunis yang ingin ditangkap.⁶⁹ Seseengah SEP kembali semula ke dalam hutan selepas beberapa jam atau beberapa hari menyerah diri untuk menangkap atau membunuh bekas ahli kumpulannya yang telah berjuang bersama-sama di dalam hutan selama beberapa bulan atau tahun sebelum ini.⁷⁰

Di samping itu, hanya pegawai dan anggota Cawangan Khas yang terlibat sahaja yang mengetahui objektif dan butiran lain sesuatu operasi tersebut. Ini bertujuan untuk menjaga kerahsiaan operasi tersebut bagi mengelakkan kebocoran maklumat dan menjaga keselamatan Cawangan Khas.⁷¹ Komunis yang menyerah diri akan disoal siasat dan melalui tapisan keselamatan oleh Cawangan Khas sebelum dibenarkan menyertai SOVF. Cawangan Khas mengawal SOVF yang diketuai oleh Polis Leftenan dalam penugasan biasa dan '*Q*' Operation di dalam hutan pula merupakan operasi yang dikawal sepenuhnya oleh Cawangan Khas.⁷² '*Q*' Operation merupakan operasi sulit Cawangan Khas dan cuma diketahui oleh pegawai serta anggota Cawangan Khas yang terlibat secara langsung dalam sesuatu operasi itu. Kawasan yang terlibat dalam '*Q*' Operation akan 'dibekukan' dari sebarang operasi pasukan keselamatan lain sehingga berakhirnya operasi tersebut. Setiap Operation '*Q*' mempunyai sasaran spesifik bagi tujuan menghapuskan komunis dan setiap operasi menggunakan nama operasi yang berbeza. Sebagai contoh, *Operation Junket*, *Operation Jarkman* dan *Operation Jobless* merupakan '*Q*' Operation yang dijalankan di Perak oleh Cawangan Khas dan SOVF sahaja tanpa penglibatan pasukan keselamatan lain.⁷³ Operasi ini akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya dalam artikel ini.

67 Ho Hui Ling, *Pergerakan Bersenjata Parti Komunis Malaya, 1968-1989: Kebangkitan Semula Dan Penumpasannya*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015, hlm. 111.

68 Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 36.

69 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Woh, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya di Seri Kembangan, Selangor pada 26 Mei 2019.

70 Laura Khor, "The Colonial Foundations Of Malaysia's Terrorist Rehabilitation Program", *Malaysian Journal Of International Relations*, Vol. 1, 2013, hlm. 67.

71 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Woh, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya di Seri Kembangan, Selangor pada 26 Mei 2019.

72 Laura Khor, "The Colonial Foundations Of Malaysia's Terrorist Rehabilitation Program", hlm. 67.

73 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Woh, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya di Seri Kembangan, Selangor pada 26 Mei 2019.

Pada September 1954, *Operation Shark* dilancarkan di kawasan Sungai Siput⁷⁴ dan Chemor.⁷⁵ Operasi ini bertujuan untuk menghapuskan komunis di kawasan Perak. *Operation Shark* berakhir pada Januari 1958 dan diteruskan dengan *Operation Ginger*. Operasi yang berlangsung selama 40 bulan hanya berjaya menyingkirkan seramai 80 orang komunis iaitu seramai 67 orang komunis berjaya dibunuh dan 13 orang lagi berjaya ditangkap atau menyerah diri.⁷⁶ Cawangan Khas berpendapat bahawa mereka tidak berjaya untuk menghapuskan komunis di kawasan Sungai Siput secara menyeluruh dalam *Operation Shark* adalah disebabkan terdapat pergerakan berterusan oleh komunis di kawasan kubu hutan. Kubu hutan didirikan oleh kerajaan di kawasan tempat tinggal Orang Asli di dalam hutan bagi melindungi keselamatan Orang Asli dan menjauhkan mereka daripada komunis. Bagaimanapun, pihak komunis masih mendapat makanan dan maklumat daripada penduduk Orang Asli yang tinggal di luar kawasan kubu di timur Sungai Siput.⁷⁷

Sementara itu, Cawangan Khas turut melakukan operasi penangkapan ke atas mana-mana individu di bawah Undang-undang Darurat. Sebagai contoh, pada 9 Februari 1956, Cawangan Khas membuat serbuan ke atas beberapa buah kampung baru di Perak pada waktu subuh. Seramai 70 orang penduduk ditahan dalam serbuan tersebut di bawah Undang-undang Darurat kerana memberi bantuan kepada komunis ataupun merupakan ejen komunis. Ketua Kampung Bercham, Ipoh iaitu Hung Hoy Lung, 47 tahun merupakan antara individu yang ditahan dalam serbuan tersebut.⁷⁸

Seterusnya pada Mac 1956, Cawangan Khas melancarkan *Operation Shift* di Perak yang bertujuan untuk mencantas sokongan penduduk Kampung Baru Kanthan, Chemor terhadap komunis. Dalam operasi ini, ahli keluarga dan saudara kepada tiga orang ahli jawatankuasa komunis yang beroperasi berdekatan kampung itu dipindahkan ke lokasi baharu iaitu 12 batu dari Ipoh. Secara keseluruhannya, melalui operasi itu, pihak Cawangan Khas dapat mengenal pasti seramai 230 orang lelaki dan wanita yang aktif membantu komunis. Setiap keluarga yang terlibat dalam operasi itu dibayar sebanyak \$200 sebagai pampasan akibat gangguan perpindahan. Sebagai tambahan, elaun bulanan diberikan kepada penduduk selama lima bulan dengan setiap orang dewasa menerima \$12 dan kanak-kanak di bawah 12 tahun menerima \$7.50.⁷⁹

Sementara itu, *Operation Chieftain* dilancarkan oleh Cawangan Khas pada 1 Februari 1957 bagi menghapuskan komunis ini di Perak, Selangor dan Pahang. Di Perak, kawasan yang terlibat dalam operasi adalah meliputi kawasan dari Sungkai ke Cameron Highlands kerana dipercayai terdapat seramai 150 orang komunis yang bergerak di kawasan tersebut. Pasukan tentera dan anggota polis terlibat dalam operasi ini bersama anggota *Home Guard* yang diarahkan dari beberapa negeri lain. Tujuan utama operasi ini adalah untuk memperketatkan sekatan makanan yang dilancarkan di kawasan itu. Dengan langkah ini, komunis akan mengalami kebuluran kerana tidak mendapat bekalan makanan daripada penduduk dan akhirnya terpaksa keluar dari hutan.⁸⁰ Ketika operasi ini dilancarkan, anggota Cawangan

74 Robert Jackson, *The Malayan Emergency*, hlm. 53.

75 Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 44.

76 Ibid., hlm. 63.

77 Ibid., hlm. 69.

78 *The Straits Times*, 10 Februari 1956, hlm. 1.

79 Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 49-50.

80 *Berita Harian*, 3 Disember 1958, hlm. 4.

Khas memasuki hutan bagi memujuk komunis untuk menyerah diri. Sehingga 9 Julai 1958, seramai 118 orang komunis menyerah diri bersama 18,000 butir peluru rantai dan 80 butir bom tangan.⁸¹ Dato Abdul Razak (Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu) menyatakan bahawa cuma 11 daripada 118 orang komunis yang menyerah diri itu meminta untuk dihantar pulang ke China.⁸² *Operation Chieftain* berakhir pada November 1958 dengan kejayaan menyingkirkan seramai 145 orang komunis termasuk 118 orang komunis yang menyerah diri akibat pujukan oleh Cawangan Khas.⁸³ Ganjaran sebanyak \$2,200 diberikan kepada pemimpin komunis yang berjaya membantu setiap anggota komunis untuk menyerah diri. Antara pemimpin komunis yang menyerah diri dalam operasi ini di Perak adalah seorang ahli jawatankuasa negeri, empat orang setiausaha peringkat daerah, tujuh orang ahli jawatankuasa daerah, 10 orang jawatankuasa peringkat cawangan dan tiga orang ketua seksyen.⁸⁴

Pada 16 Januari 1958, Cawangan Khas melancarkan *Operation Bintang* di selatan Perak. Kekuatan komunis adalah seramai 60 orang apabila operasi ini dilancarkan.⁸⁵ *Operation Bintang* melibatkan kawasan selatan Perak meliputi sebahagian besar daerah Kinta termasuk Batu Gajah, Tronoh dan Parit.⁸⁶ Pada masa yang sama, *Operation Ginger* turut dilancarkan dan kedua-dua operasi ini melibatkan lebih kurang 10,000 orang anggota keselamatan.⁸⁷ Serangan bertubi-tubi pasukan keselamatan memaksa pihak komunis keluar daripada tempat persembunyian mereka di dalam hutan.⁸⁸ Pada 7 September 1958, Ahli Jawatankuasa PKM Daerah Batu Gajah, Tin Kien terbunuh ketika bertempur dengan pasukan keselamatan di kawasan operasi. Dalam tempoh 30 jam, isterinya, Chew Thai bersama tiga orang komunis lain turut menyerah diri. Penyingkiran Tin Kien bersama kumpulannya adalah hasil kerjasama antara Batalion ke-3 Rejimen Melayu Diraja dan Cawangan Khas.⁸⁹ Pencapaian kedua-dua operasi dilaporkan oleh akhbar *The Straits Times* bertarikh 14 September 1958. Akhbar ini melaporkan sehingga 13 September 1958, seramai 31 orang komunis menyerah diri, 23 orang komunis dibunuh termasuk dua ahlinya yang dihukum mati oleh kumpulannya, tiga orang komunis ditangkap dan berbaki seorang komunis lagi di dalam hutan iaitu Yuk Fong yang mempunyai masalah rabun malam. Pada hari tersebut, seramai tiga orang komunis mendekati penoreh getah di Kinta Valley Estate dan menyatakan mereka ingin menyerah diri. Kemudiannya, mereka dibimbing oleh penoreh getah untuk menyerah diri kepada Konstabel Khas sebelum dibawa ke Balai Polis Batu Gajah.⁹⁰ *Operation Bintang* berakhir pada pertengahan September 1958 dengan pencapaian kejayaan 100 peratus. Kesemua 60 orang komunis berjaya ditumpaskan dalam operasi ini iaitu 23 orang komunis dibunuh, 32 orang menyerah diri, tiga orang ditangkap dan dua lagi dilaporkan hilang.⁹¹

81 Mohd Azzam Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 173.

82 *The Straits Times*, 10 Julai 1958, hlm. 1.

83 Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 67.

84 *The Straits Times*, 10 Julai 1958, hlm. 1.

85 *The Straits Times*, 27 September 1958, hlm. 5.

86 *The Straits Times*, 17 Januari 1958, hlm. 1.

87 *The Straits Times*, 10 Jun 1958, hlm. 8.

88 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Woh, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya di Seri Kembangan, Selangor pada 26 Mei 2019.

89 *The Straits Times*, 10 September 1958, hlm. 5.

90 *The Straits Times*, 14 September 1958, hlm. 7.

91 *The Straits Times*, 30 Julai 1960, hlm. 2.

Selain itu, *Operation Ginger* dilancarkan di Perak pada 16 Januari 1958 dan berakhir pada 20 April 1959 di bawah perintah *28th Commonwealth Brigade*.⁹² *Operation Ginger* menyasarkan kumpulan komunis yang dijangkakan seramai 200 orang di kawasan tengah Perak yang dipercayai memperoleh bantuan makanan yang mencukupi.⁹³ Operasi ini menyasarkan untuk menghapuskan pengagihan bekalan makanan dan ubat-ubatan kepada komunis oleh penduduk yang tinggal di pinggir hutan yang bersimpati dengan mereka. Langkah pertama yang dilaksanakan adalah untuk mengawal jumlah makanan yang ada di kawasan operasi dan seterusnya memperketatkan pengendalian pengedaran makanan di kawasan itu.⁹⁴ Antara kawasan yang tersenarai dalam *Operation Ginger* adalah utara Ipoh meliputi daerah Sungai Siput, Kuala Kangsar dan Kinta.⁹⁵ Fong Loy merupakan komunis yang pertama menyerah diri kepada pasukan polis Cawangan Khas di Kampung Baru Salak Bahru, Sungai Siput pada 26 Februari 1958 di bawah *Operation Ginger*. Sebelum ini pergerakan Fong Loy di ladang getah Salak Bahru diperhatikan dah dipantau oleh dua orang pegawai Cawangan Khas, iaitu Penolong Penguasa Polis (ASP) Yuen Yuet Leng dan Inspektor Leong Chee Woh bersama ASP K. Sockalingam, Ketua Daerah Polis Sungai Siput dan Major Philip, Pegawai Perisikan Tentera (*Military Intelligence Officer/MIO*). Fong Loy diperhatikan mendapatkan makanan dan maklumat daripada penoreh getah setiap pagi di kawasan ladang itu.⁹⁶

Pada 12 Februari 1958 iaitu hari keempat menjalankan pemantauan ke atas Fong Loy, Inspektor Leong Chee Woh melepaskan tembakan menggunakan senjata jenis *Carbine* ke atas Fong Loy dan tembakan berjaya menembusi bahagian bahunya. Namun, Fong Loy berjaya melarikan diri.⁹⁷ *Thunderer* digunakan untuk membuat hebahan berhampiran Kampung Baru Salak Bahru dan pihak Cawangan Khas menghala pembesar suara ke kawasan bukit pada 23 Februari 1958. Salah seorang yang membuat hebahan itu merupakan Shu Chung iaitu seorang SEP dan juga merupakan kenalan kepada Fong Loy. Namun, Fong Loy tidak dapat mendengar dengan jelas hebahan penyerahan diri. Bagaimanapun, Fong Loy menyerah diri pada 26 Februari 1958 selepas menjumpai risalah penyerahan diri yang dijatuhkan oleh pihak kerajaan melalui pesawat udara.⁹⁸ Secara keseluruhannya, seramai 162 orang komunis berjaya ditumpaskan dalam *Operation Ginger* dalam tempoh antara Februari 1958 hingga April 1959⁹⁹ sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

92 Mohd Azzam Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 180.

93 *The Straits Times*, 10 Jun 1958, hlm. 8.

94 Peter Dennis dan Jeffrey Grey, *Emergency and Confrontation: Australian Military Operations In Malaya and Borneo, 1950-1966*, New South Wales: Allen & Unwin In Association With The Australian War Memorial, 1996, hlm. 136.

95 *The Straits Times*, 17 Januari 1958, hlm. 1.

96 Temubual dengan Datuk Dr. Leong Chee Woh, bekas Pegawai Cawangan Khas, di rumahnya Seri Kembangan, Selangor pada 7 April 2019.

97 Ibid.

98 Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 126-127.

99 Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960: The Role Of The Special Branch In The Malayan Emergency*, hlm. 280.

Jadual 4: Komunis yang Berjaya Dihapuskan dalam *Operation Ginger* (Februari 1958 - April 1959)

Tindakan pasukan keselamatan	Komunis (orang)
Komunis yang dibunuh	46
Komunis yang ditangkap	6
Komunis yang menyerah diri	100
Lain-lain kematian komunis	5
Komunis Orang Asli yang dibunuh	5
Jumlah	162

Sumber: Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960: The Role Of The Special Branch In The Malayan Emergency*, Singapura: Institute of South Asian Studies, 2008, hlm. 280.

Dalam pada itu, kerajaan juga mengambil langkah melancarkan perang saraf yang dinamakan *Operation Greenland* di seluruh Tanah Melayu termasuk di kawasan tengah Perak. Sebanyak 1,500,000 keping risalah ditaburkan meliputi kawasan seluas 2,500 batu persegi dan dibantu oleh Jabatan Penerangan di lapangan. Operasi ini merupakan faktor yang menyumbang kepada penyerahan diri beramai-ramai komunis di selatan Perak dan utara Johor pada Julai 1958 serta mengurangkan beban yang dipikul oleh Cawangan Khas bagi memujuk pihak komunis untuk menyerah diri.¹⁰⁰ Penyerahan diri kumpulan komunis itu melibatkan seramai 160 orang komunis daripada pelbagai pangkat di Johor dan 118 orang komunis di Selatan Perak.¹⁰¹

Operasi yang dilancarkan oleh Cawangan Khas bersama-sama dengan pasukan keselamatan di Perak berjaya mengurangkan kekuatan komunis yang bergerak di negeri itu. Pada 22 April 1959, kekuatan komunis di Perak dilaporkan cuma seramai 161 orang komunis daripada jumlah 290 orang komunis yang terdapat di seluruh Tanah Melayu. Jadual 5 menunjukkan kekuatan komunis di Tanah Melayu termasuklah negeri Perak pada 22 April 1959.

Jadual 5: Kekuatan Komunis di Tanah Melayu pada 22 April 1959

Negeri	Komunis (orang)	Catatan
Perak	161	-
Kelantan	8	Berdekatan sempadan Perak
Terengganu	8	Berdekatan sempadan Pahang
Pahang	28	4 orang komunis telah dihapuskan
Johor	1	Berkemungkinan telah dibunuh oleh pasukan keselamatan
Pulau Pinang	29	Cawangan Khas beranggapan empat orang komunis telah pulang ke China

¹⁰⁰ Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 133.

¹⁰¹ *The Straits Times*, 27 Ogos 1958, hlm. 1.

PENGLIBATAN CAWANGAN KHAS DALAM MEMBANTERAS
GERAKAN KOMUNIS DI NEGERI PERAK, 1948-1960

Negeri	Komunis (orang)	Catatan
Kedah	55	-
Selangor	0	-
Negeri Sembilan	0	-
Melaka	0	-
Jumlah	290	-

Sumber: Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960: The Role Of The Special Branch In The Malayan Emergency*, Singapura: Institute of South Asian Studies, 2008, hlm. 275.

Dalam usaha membanteras komunis, terdapat perkampungan yang tidak memberikan kerjasama kepada pihak kerajaan. Hal ini dapat dilihat di Kampung Baru Kuala Kuang dan Kampung Baru Kanthan yang didiami oleh saudara mara, rakan dan penyokong komunis. Susulan daripada itu, Cawangan Khas melancarkan *Operation Question* pada 29 Julai 1958 di dua buah kampung baru di Perak iaitu Kampung Baru Kuala Kuang dan Kampung Baru Kanthan. Dalam operasi ini, setiap orang dewasa di kedua-dua kampung itu diberi borang soalan sulit yang menanyakan maklumat tentang pergerakan komunis dan mereka yang membantu komunis. Hasilnya adalah mengecewakan apabila kesemua borang itu dikutip daripada penduduk dan tiada penduduk yang memberi kerjasama untuk mendedahkan maklumat berkaitan kegiatan komunis. Akhbar *The Straits Times* pada 10 Ogos 1958 melaporkan bahawa penyokong komunis daripada kalangan 6,000 orang penduduk Kampung Baru Kuala Kuang dan Kampung Baru Kanthan diberi tempoh masa tujuh hari untuk membuat pengakuan atau akan ditahan.¹⁰² Tempoh masa yang diberikan tamat pada tengahari 13 Ogos 1958 dan cuma 13 orang yang membuat pengakuan daripada jangkaan 100 orang penduduk yang menyokong komunis. Kesemua mereka membuat pengakuan kepada Setiausaha *Malayan Chinese Association* (MCA) Perak, iaitu Yap Yin Fah bahawa mereka membekalkan makanan, pakaian, duit dan maklumat kepada komunis. Penduduk diingatkan bahawa mereka yang tidak membuat pengakuan akan ditangkap dan ditahan serta keluarga mereka dipindahkan ke tempat lain.¹⁰³ Pada jam 11 malam 19 Ogos 1958, seramai 70 orang anggota polis berpakaian seragam membuat serbuan ke atas Kampung Baru Kuala Kuang dan Kampung Baru Kanthan. Berpanduan senarai nama dan alamat, pasukan polis memanggil individu yang tersenarai untuk keluar daripada rumah sebelum dibawa dengan lori pasukan polis ke Ipoh.¹⁰⁴ Hasil serbuan oleh Cawangan Khas di Kampung Baru Kanthan berjaya menahan seramai 33 orang penduduk kampung termasuk tujuh orang wanita, ahli majlis tempatan dan *Home Guard*. Manakala, serbuan di Kampung Baru Kanthan berjaya menahan tujuh orang termasuk dua orang wanita. Pada 25 Ogos 1958, perintah berkurung dikenakan tambahan sejam sebagai hukuman kerana tindakan penduduk yang tidak memberikan kerjasama kepada kerajaan. Justeru, perintah berkurung bermula jam 9 malam sehingga jam 5 pagi berbanding sebelum ini yang bermula jam 10 malam sehingga jam 5 pagi.¹⁰⁵

¹⁰² Ibid., hlm. 154-155.

¹⁰³ *The Straits Times*, 14 Ogos 1958, hlm. 6.

¹⁰⁴ *The Straits Times*, 20 Ogos 1958, hlm. 6.

¹⁰⁵ *The Stratis Times*, 26 Ogos 1958, hlm. 7.

Pada 6 Mac 1959, Setiausaha PKM Perak iaitu Sui Mah ditembak mati oleh pasukan keselamatan selepas tempat persembunyiannya di Gua Gunung Langat dikepung oleh pasukan tentera *1st Batalion Royal Regiment*. Sui Mah merupakan individu yang mengetuai serangan hendap untuk membunuh Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British dan mencederakan tujuh anggota polis pengiring di kawasan Fraser Hill, Pahang pada 6 Oktober 1951. Pasukan polis melancarkan operasi untuk memburu Siu Mah pada 19 Februari 1959 dalam kawasan *Operation Ginger* berpandukan maklumat risikan yang berjaya dikumpulkan. Seramai 4,000 orang tentera *28th Commonwealth Infantry Brigade*, pasukan polis, *Home Guard* dan unit artileri yang terlibat dalam operasi ini. Usaha pasukan keselamatan berjaya memaksa Siu Mah dan dua orang pengawal keselamatannya bergerak berdekatan Ipoh. Siu Mah bersembunyi di dalam Gua Gunung Langat sementara menunggu kedua-dua pengawal keselamatannya keluar mencari makanan. Namun, pengawal keselamatannya, iaitu Chow Yoon dan Thin Yong mengambil kesempatan ini menyerah diri di Balai Polis Ipoh pada 5 Mac 1959. Pasukan tentera *1st Batalion Royal Regiment* dihantar untuk mengepung tempat persembunyian Sui Mah selepas lokasi persembunyiannya didedahkan oleh kedua-dua pengawal keselamatannya. Pada keesokannya, Sui Mah ditembak mati.¹⁰⁶ Dalam tempoh empat bulan sebelum berakhirnya operasi ini, seramai 50 orang komunis menyerah diri dan salah seorang daripadanya adalah Chan Hung¹⁰⁷ iaitu Timbalan Setiausaha Agung PKM Perak yang menyerah diri pada 20 November 1958. Chan Hung merupakan ‘aset’ penting buat Cawangan Khas di mana Chan Hung kemudiannya diarahkan untuk membantu Cawangan Khas dalam *Operation Jobless*.¹⁰⁸ Penyerahan diri kumpulan komunis itu menandakan berakhirnya kubu kuat komunis di daerah Sungai Siput dan berikutnya beberapa kawasan terpilih di Perak diisytiharkan selamat. Justeru, perintah berkurung dan dapur berpusat di kawasan terpilih dimansuhkan. Pada 20 April 1959, Menteri Besar Perak, iaitu Mohamed Ghazali mengumumkan berakhirnya *Operation Ginger*.¹⁰⁹

Seterusnya, kerajaan melancarkan *Operation Basoh* di seluruh Tanah Melayu termasuk Perak pada tengah malam 25 Februari 1959 untuk menahan individu yang disyaki terlibat dalam gerakan PKM. Pegawai dan anggota pasukan polis Cawangan Khas membuat penahanan dari rumah ke rumah terhadap individu yang disyaki memberi sokongan kepada PKM dan dilakukan secara serentak di seluruh Tanah Melayu. Penahanan tersebut adalah susulan daripada hasil persiapan dan pengumpulan maklumat oleh Cawangan Khas ke atas individu yang disyaki menyokong perjuangan komunis yang beralih hala tuju dari gerakan bersenjata kepada gerakan subversif dengan cara menyebarkan ideologi komunis. *Operation Basoh* berlangsung selama tiga hari iaitu bermula dari 25 Februari sehingga 27 Februari 1959. Hari pertama dan hari kedua operasi masing-masing mencatatkan penahanan seramai 116 orang¹¹⁰ dan lapan orang. Pada hari ketiga operasi, dua orang individu berjaya ditahan oleh Cawangan Khas di Pulau Pinang dan Johor. Secara keseluruhannya, seramai 126 orang berjaya ditahan oleh pasukan polis dalam *Operation Basoh*. Dalam operasi ini, Johor mencatatkan penahanan tertinggi iaitu seramai 59 orang, diikuti Perak (23 orang), Pulau Pinang (20 orang),

106 *The Straits Times*, 10 Mac 1959, hlm. 1.

107 *The Straits Times*, 21 April 1959, hlm. 6.

108 Mohd Azzam Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 178.

109 *The Straits Times*, 21 April 1959, hlm. 6.

110 *Berita Harian*, 18 April 1960, hlm. 4.

Selangor (18 orang) dan Melaka (6 orang). Daripadanya, seramai 60 orang yang ditahan itu dipindahkan ke penjara Batu Gajah, Perak dan yang selebihnya ditempatkan di penjara lain.¹¹¹ Penahanan seramai 126 orang ini adalah terdiri daripada ahli politik, ahli kesatuan sekerja, penuntut dan orang awam.¹¹²

Cawangan Khas turut melancarkan 'Q' Operation yang dikenali sebagai *Operation Jarkman* di kawasan Perak sewaktu tempoh berlangsungnya *Operation Ginger*. *Operation Jarkman* berlangsung pada Februari sehingga November 1958 dan melibatkan kawasan di timur Tambun. Operasi ini melibatkan SEP, CEP dan Cawangan Khas untuk memujuk agar komunis menyerah diri. Pada sekitar tahun 1957, Cawangan Khas berjaya menembusi sistem kurier komunis antara PKM Daerah ke-7 dengan PKM Daerah ke-9. Pada Februari 1958, Cawangan Khas Ipoh berjaya menghantar surat rahsia kepada Setiausaha Jawatankuasa Daerah Ng San Mun, ketua bagi PKM Daerah ke-7. Ng San Mun menerima surat tersebut pada April 1958 dan membalasnya pada Ogos 1958 dengan menyatakan niatnya untuk menyerah diri. Pada 30 September 1958, seorang komunis wanita, iaitu Siu Ping yang diarahkan oleh Ng San Mun bagi menyerahkan surat yang membincangkan perjumpaan dan penyerahan diri mereka kepada Cawangan Khas. Pada keesokan harinya, SEP Siu Ping membawa pegawai Cawangan Khas ke tempat pertemuan dengan Ng San Mun. Akhirnya, Ng San Mun bersama lima ahli kumpulannya bersetuju untuk menyerah diri kepada pihak Cawangan Khas.¹¹³

Seterusnya, Cawangan Khas melancarkan dua lagi 'Q' Operation iaitu *Operation Junket* dan *Operation Jobless* di kawasan Perak dalam tempoh berlangsungnya *Operation Ginger*. Pada Julai hingga September 1958, operasi pasukan keselamatan di kawasan timur Jalong dan timur Lintang/Tambun terpaksa dihentikan untuk memberi laluan kepada operasi rahsia, iaitu *Operation Junket*. Operasi itu menyasarkan untuk mempengaruhi komunis agar menyerah diri atau menangkap komunis menggunakan pelbagai plot yang melibatkan SEP, CEP dan Cawangan Khas.¹¹⁴ Namun, *Operation Junket* terpaksa dihentikan berikutan Ah Loke, salah seorang daripada tiga orang CEP yang ditangkap oleh Cawangan Khas pada 9 September 1958 berjaya melarikan diri pada 12 September 1958. Dikhuatiri Ah Loke akan memberi amaran kepada komunis lain dan mendedahkan strategi serta perancangan Cawangan Khas dalam memperdayakan komunis lain untuk menyerah diri.¹¹⁵ Secara keseluruhannya, Cawangan Khas melalui *Operation Junket* berjaya menangkap tujuh orang komunis dalam tiga tangkapan berasingan.¹¹⁶ *Operation Jobless* pula yang dilancarkan oleh Cawangan Khas di kawasan Ipoh, Chemor dan Sungai Siput pada November 1958 sehingga April 1959¹¹⁷ juga berjaya mempengaruhi lebih ramai anggota komunis untuk menyerah diri. Penyerahan diri Chan Hung, iaitu Timbalan Setiausaha Agung PKM Perak pada 20 November 1958 digunakan oleh Cawangan Khas dalam operasi ini untuk mempengaruhi ahli kumpulannya yang lain agar menyerah diri. Operasi ini berjaya mempengaruhi seramai 50 orang komunis untuk menyerah diri.¹¹⁸

111 *Berita Harian*, 28 Februari 1959, hlm. 1.

112 *Berita Harian*, 18 April 1960, hlm. 4.

113 Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960*, hlm. 200-202.

114 Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 172.

115 *Ibid.*, hlm. 193-198.

116 *Ibid.*, hlm. 174.

117 *Ibid.*, hlm. 221.

118 *Ibid.*, hlm. 241.

Pada 31 Disember 1959, seramai empat orang komunis terakhir di kawasan Ipoh menyerah diri kepada Cawangan Khas yang berada di Kampung Baru Gunung Rapat. Penyerahan diri komunis ini menandakan kawasan meliputi Ipoh sehingga ke Tanjung Malim kini bebas daripada komunis. Sagu hati sejumlah \$6,000 dibayar kepada keempat-empat orang komunis yang menyerah diri.¹¹⁹ Tiga daripada mereka merupakan ahli jawatankuasa cawangan PKM. Hasil daripada penyerahan diri komunis ini juga berjaya menamatkan perintah berkurung dan catuan makanan bagi lapan buah perkampungan, iaitu Kampung Baru Gunung Rapat, Ampang, New Kopisan, Simpang Pulai, Tambun, Tanjung Rambutan, Changkat Kinding dan Tanah Hitam.¹²⁰ Akhirnya, seluruh kawasan tengah Perak diisytiharkan sebagai kawasan yang bebas daripada ancaman komunis pada 14 Januari 1960 dan upacara pengisytiharannya diadakan di Padang Bandar Ipoh.¹²¹

Operasi melawan komunis terakhir di Perak adalah *Operation Bamboo* yang dilancarkan di kawasan Perak dan sempadan Kelantan pada 15 Oktober 1959.¹²² Operasi ini bertujuan untuk menghapuskan lebih kurang 40 orang komunis dan memenangi hati lebih kurang 200 Orang Asli yang diperalatkan oleh komunis sebagai pelindung mereka dan sumber bekalan.¹²³ Operasi kawasan meliputi hutan Ulu Perak di utara Sungai Siput dan kawasan hutan di barat Kelantan. Kedua-dua kawasan itu didiami majoriti Orang Asli suku kaum Temiar, selain dari suku kaum Belukar dan Jahai.¹²⁴ Lebih daripada 400,000 keping risalah dijatuhkan melalui udara ke kawasan hutan tebal di utara Perak yang dipercayai merupakan tempat persembunyian komunis.¹²⁵ Cara ini diharapkan dapat menarik perhatian pihak komunis untuk menyerah diri. Pada masa yang sama, ganjaran sebanyak \$70,000 ditawarkan untuk menghapuskan komunis dalam operasi ini.¹²⁶ Cawangan Khas dan *Senoi Praaq* saling bekerjasama dalam membina rangkaian perisikan bagi operasi ini¹²⁷ di samping memutuskan perhubungan Orang Asli dengan komunis. Hal ini kerana komunis menjalinkan ikatan dalam kalangan Orang Asli. Anggota komunis lelaki digalakkan untuk berkahwin dengan wanita Orang Asli terutama anak perempuan penghulu dalam memastikan Orang Asli sudi membantu pihak komunis dan membenarkan mereka tinggal di perkampungan Orang Asli untuk mengukuhkan kedudukan mereka. Operasi ini terus berlangsung sehingga termeterainya *Memorandum of Understanding* (MoU) antara kerajaan Malaysia dengan PKM pada 1989.¹²⁸

Semua operasi utama pada zaman darurat adalah melibatkan kerjasama pasukan polis, pasukan askar, *Home Guard* dan Cawangan Khas.¹²⁹ Dalam tempoh Jun 1948 hingga 28 Ogos 1959, seramai 2,336 orang komunis berjaya dihapuskan (dibunuh, menyerah diri

119 *The Straits Times*, 1 Januari 1960, hlm. 1.

120 *Berita Harian*, 2 Januari 1960, hlm. 5.

121 Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 244.

122 *The Stratis Times*, 29 April 1960, hlm. 5.

123 *The Stratis Times*, 11 Januari 1960, hlm. 6.

124 Leong Chee Woh, *Scorpio On The Dragon's Demise*, Amerika Syarikat: Rocky Mountain Press, 2017, hlm. 57.

125 *The Stratis Times*, 30 April 1960, hlm. 7.

126 *The Stratis Times*, 29 April 1960, hlm. 5.

127 Shamsul Afkar bin Abd Rahman, 'History Of Special Operations Forces In Malaysia', Master Of Science In Defense Analysis, Naval Postgraduate School, California, 2013, hlm. 40.

128 Leong Chee Woh, *Scorpio On The Dragon's Demise*, hlm. 64.

129 Peter Dennis dan Jeffrey Grey, *Emergency and Confrontation*, hlm. 136.

dan ditangkap) di Perak berbanding dengan jumlah 10,561 orang komunis di seluruh Tanah Melayu seperti mana dalam Jadual 6. Namun begitu, dilaporkan seramai 240 orang komunis masih bebas di kawasan pedalaman dan hutan di seluruh Tanah Melayu pada 28 Ogos 1959. Dalam pada itu, Perak sahaja mencatatkan seramai 155 orang komunis yang masih boleh mendatangkan ancaman terhadap penduduk di Perak.¹³⁰ Bagaimanapun, akhirnya, saki-baki komunis di Tanah Melayu melarikan diri dan bersembunyi di selatan Thailand apabila darurat diisytiharkan berakhir pada 31 Julai 1960.

Jadual 6: Kekuatan Komunis di Tanah Melayu pada 28 Ogos 1959 dan Jumlah Komunis yang Dihapuskan (Dibunuh, Menyerah Diri dan Ditangkap) Sejak Jun 1948

Negeri	Kekuatan komunis pada 28 Ogos 1959 (orang)	Komunis yang berjaya dihapuskan sejak Jun 1948 (orang)	Jumlah (orang)	Peratusan (%) komunis yang berjaya dihapuskan
Perak	155	2,336	2,491	94
Kelantan	0	117	117	100
Terengganu	8	209	217	96
Pahang	20	2,137	2,157	99
Johor	0	2,732	2,732	100
Pulau Pinang	4	131	135	97
Kedah	53	504	557	90
Selangor	0	1,303	1,303	100
Negeri Sembilan	0	893	893	100
Melaka	0	199	199	100
Jumlah	240	10,561	10,801	98

Sumber: Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960: The Role Of The Special Branch In The Malayan Emergency*, hlm. 277.

Secara keseluruhannya, Cawangan Khas berjaya melaksanakan operasi untuk menghapuskan komunis dan melumpuhkan penyebaran pengaruh komunis dalam kalangan penduduk Perak. Kebijaksanaan Cawangan Khas dalam mengatur strategi dan menjalankan 'Q' Operation iaitu *Operation Jarkman*, *Operation Junket* dan *Operation Jobless* telah berjaya mempengaruhi komunis untuk menyerah diri. Ketiga-tiga 'Q' Operation tersebut dilaksanakan di kawasan Perak sahaja tanpa melibatkan negeri lain. Selain itu, tahap kerahsiaan 'Q' Operation adalah tinggi. Bagi menjaga kerahsiaan Cawangan Khas, operasi tersebut cuma melibatkan pegawai dan anggota Cawangan Khas sahaja tanpa penglibatan serta pengetahuan unit pasukan polis yang lain. Namun begitu, operasi lain seperti *Operation Ginger*, *Operation Shark*, *Operation Shift*, *Operation Chieftain*, *Operation Bintang*, *Operation Question*, *Operation Greenland*, *Operation Basoh* dan *Operation Bamboo* adalah melibatkan jalinan kerjasama antara Cawangan Khas dengan pasukan polis lain di Perak. Kesemua operasi yang

130 Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-1960*, hlm. 277.

disenaraikan dalam artikel ini berlaku di kawasan Perak sahaja kecuali *Operation Chieftain*, *Operation Bamboo*, *Operation Greenland* dan *Operation Basoh*. *Operation Chieftain* dilancarkan di kawasan Perak, Selangor dan Pahang. *Operation Bamboo* adalah melibatkan kawasan Perak dan sempadan Kelantan. Manakala, *Operation Greenland* dan *Operation Basoh* dilaksanakan di seluruh Tanah Melayu.

Kesimpulan

Semanganya tidak dapat dinafikan kehebatan Cawangan Khas dalam mengumpul maklumat risikan pada zaman darurat sehingga berjaya menumpaskan gerakan komunis. Cawangan Khas melaksanakan tugas yang bahaya iaitu mengumpul maklumat risikan bagi melancarkan operasi untuk melawan subversif dan gerakan bersenjata komunis. Cawangan Khas di Perak bekerja siang dan malam untuk memahami kawasan dan populasi penduduk khususnya di kawasan yang mempunyai kegiatan komunis. Pengetahuan yang baik mengenai kawasan dan penduduk membolehkan Cawangan Khas mengenal pasti individu yang berpotensi untuk direkrut sebagai ejen atau pemberi maklumat bagi mendapatkan maklumat berhubung dengan segala pergerakan komunis. Pada masa yang sama, ahli *Min Yuen* dan saudara mara komunis di kawasan penempatan penduduk dapat dikenal pasti oleh pasukan keselamatan berdasarkan maklumat risikan yang diperolehi Cawangan Khas. Walaupun kaedah perisikan maklumat secara teknikal tidak digunakan secara meluas di Perak, tetapi ianya digunapakai di negeri lain. Kaedah perisikan maklumat daripada ejen, pemberi maklumat, SEP dan CEP dilihat sangat berkesan untuk membolehkan Cawangan Khas di Perak mengatur strategi bagi mengatasi kelemahan komunis. Perisikan maklumat oleh Cawangan Khas dengan menggunakan kaedah soal siasat ke atas SEP dan CEP ternyata sangat berkesan untuk membanteras gerakan komunis di Perak sehingga berjaya memujuk mereka untuk menyerah diri kepada pasukan polis. Seterusnya, pelbagai operasi berjaya dilancarkan oleh pasukan keselamatan di kawasan penempatan penduduk mahupun di dalam hutan untuk menumpaskan gerakan komunis. Kesemua operasi itu dilaksanakan berdasarkan pengumpulan dan analisis maklumat yang tepat oleh pihak Cawangan Khas di Perak.